

# Berang tidak diberi RM20, penganggur ugut bunuh ibu dipenjara 12 bulan

**KUCHING:** Seorang penganggur lelaki berusia 35 tahun dijatuhi hukuman penjara 12 bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengugut bunuh ibunya setelah tidak berpuas hati tidak diberi wang RM20.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan hukuman penjara bagi Joseph Sumbang untuk dikuatkuasa-kan mulai semalam.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu sekitar jam 11.15 pagi pada 6 September

2025 di sebuah rumah di Skim Penempatan Baru Sungai Apong di sini dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh mengamuk serta bertindak agresif ketika bertengkar mulut dengan ibunya (pengadu) pada hari kejadian.

Tertuduh juga dilaporkan memukul almari dan pintu

rumah, selain berada dalam mabuk serta khayal.

Punca kejadian adalah pengadu enggan memberikan wang sebanyak RM20 kepada tertuduh kerana tidak mahu tertuduh membeli dadah.

Akibat tidak berpuas hati dengan pengadu, tertuduh mengeluarkan kata-kata ugutan dengan menyatakan ‘saya bunuh kamu orang nanti’, sambil beredar masuk ke dalam bilik tidur yang tidak jauh dari dapur.

Pengadu yang berasa takut dengan ancaman tersebut terus keluar dari rumah bersama anak

keduanya, selain bertindak membuat laporan polis sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh pada hari sama sekitar jam 6.49 petang.

Hasil siasatan mendapati tertuduh telah menakut-nakutkan pengadu dengan cara mengamuk dan mengugut bunuh pengadu, malah ugu-tan itu turut didengar oleh anak kedua pengadu.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng sementara tertuduh tidak diwakili peguam.